



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 31 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	GOVT AND MAFS SHALL NEGOTIATE IN EXPORTING FRUIT TO CHINA, NATION, CHINA PRESS -A9 MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY URGED TO LOOK FOR SOLUTION, SUPPLEMENT, GUANG MING DAILY -KB4 PADDY PRODUCTION IN SEKINCHAN REDUCE HALF, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B1 GOVT TO EXPLORE SALTWATER RICE CULTIVATION, NEWS, TAMIL MALAR -4 NG TO DISCUSS SOLUTIONS WITH FARMERS AFTER RICE PRODUCTION DROPS IN SEKINCHAN, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -9 MALAYSIA PERLU WASPADA RISIKO KRISIS MAKANAN, NASIONAL, SH -7 IKUT PANDUAN RICE CHECK, PERBAIKI KEADAAN TANAH BAGI TINGKATKAN HASIL PADI, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8.	JANGAN JUAL DURIAN TERLALU MAHAL, SUARA SINAR, SH -16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9. 10. 11.	DULU LIMA, KINI BELA LEBIH 50 EKOR LEMBU, NEGARA, KOSMO -18 BELAJAR ILMU PENTERNAKAN SEJAK SEKOLAH RENDAH, KINI TAUKE LEMBU, DALAM NEGERI, UM -34 BERNIAGA LEMBU TAMBAH PENDAPATAN SEMPENA AIDILADHA, DALAM NEGERI, UM -34	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
12.	BANGKAI ANAK PENYU KARAH DITEMUI TERAPUNG, NEGERI TERENGGANU, SH -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	CHAN: FAMA WILL BUY VEGETABLES FROM FARMER IF PRODUCT PRICE IS LOWER THAN MARKET RATE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A1,A3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15. 16.	IKAN SEGAR, MUKA DEPAN, UM -1 SUBSIDI DIESEL NELAYAN TIRIS LEBIH RM4 JUTA SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -11 PDRM SEDIA AMBIL TINDAKAN JIKA ADA MAKLUMAT, DALAM NEGERI, UM -11	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
17. 18.	SALIRAN TAK DISELENGGARA JEJAS RIBUAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -29 MINTA KERAJAAN SEGERA SALUR PERUNTUKAN, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
19.	ORANG P.PINANG BELI DURIAN ONLINE, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Govt and MAFS shall negotiate in exporting fruit to China		
MediaTitle	China Press		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	91 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,795
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,385



大马果农总会总会长拿督陈绍厚建议，政府和农业及粮食安全部（MAFS）需尽快与中方政府进行协商，以取得榴槤鲜果出口许可。

“除了使用液氮技术出口榴槤，我们希望能效仿泰国，以七、八成熟的猫山王等榴槤为例，以鲜果方式出口中国市场。”

他指出，根据中国南宁海关的数据，泰国、越南和菲律宾近期进口到中国的榴槤总量已经超过6万吨，供应量大幅增加之余，价格也相应下降，导致我国面临激烈竞争。

针对泰国的榴槤采割法，陈绍厚

陳紹厚促速協商 爭取果粒輸中國

认为，这有助农民“制衡”本地收购商，不用再面对价格被降压的问题。

“采割的榴槤价格比自然熟掉落的更高，能够带来更可观的收入。”

此外，他分析，这还可节省人力成本，并减少偷窃的风险。

“再者，采割的榴槤保鲜期相对较长，重量较大，更有利于运输和销售。最重要的是解决了销路、价格和成本等问题。”

Headline	Ministry of Agriculture and Food Security urged to look for solution		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	49,712
Page No	KB4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,455



■黄瑞林（前左十）与各族稻农希望农业部聆听诉求，找出稻米产量歉收的根源，致力解决稻农面对的困境。（黄瑞林办公室提供）

適耕莊稻米歉收 質量下滑 稻農吁農部尋策解決

（适耕庄30日讯）适耕庄稻米出现质量下滑问题，稻农吁请农业部伸援手，否则稻农们将被迫黯然转行！

素有雪州米仓美誉的适耕庄，以种植稻米闻名全国，但近几年的稻米产量起伏不定，几乎绝大多数是产量减半，仅遇上天气较好的收割期，才会迎来较好的收成。

避免稻农血本无归

适耕庄本季稻米歉收，大多数稻田产量只有过往的一半，甚至有70%稻田产量不如预期。各族稻农希望农业部从根源着手，调查秧苗品种素质、肥料成分不符所需及土壤酸性过



■适耕庄素有雪州米仓美誉，但近几年的稻米产量起伏不定，绝大多数稻田产量减半，导致稻农收入锐减。（档案照）

高等问题，避免稻农长期血本无归，最终转行！

适耕庄州议员黄瑞林日前召集该区农民小组组长，与各族稻农交流，讨论稻米歉收严重程度，并与各家稻农观察找出原因，把意见统合后拟成备忘录，交由农业及粮食安全部处理。

盼農部體恤

也是雪州议长的黄瑞林表示，每份稻田视乎土壤与种植技术，收成往往也不尽相同，但如果与过往的记录比较，几乎每份稻田的产量都减半。

“例如，原本产出最少9吨

稻米的稻田，如今最多7吨。原本只有6吨产量的稻田，如今只剩3吨；甚至有的说法是，整个适耕庄有70%的稻田产量都不如预期。”

他总结，稻农要求的并不多，只希望农业部体恤，在种植成本因令吉贬值，导致各式原料价格飙涨后，如今

收成又不如预期，导致收入大幅减少。

“稻农不是要发大财的行业，而是为了持续生活，并守护我国人民的基本粮食安全，因此希望农业部认真聆听稻农的心声，找出解决方案。”

冀改良秧苗品種

稻农对此指出，近几年的稻米秧苗抗菌能力较差，碰上几次大风雨就被吹落，因此希望大马农业研究与发展局（MARDI），认真研究并改良秧苗品种素质。

“此外，25公斤装的津贴肥料，其成分百分比也不正确，导致秧苗无法茁壮成长。不但无法发芽、结出的稻谷也小粒，反而是叶子疯长，希望农业部调查这背后，是否涉及调整成分百分比，来操纵价格的问题。”

稻农强调，过去农业部每季会补发5包20公斤装的有机肥料，如今也有5年不见踪影。

“如今的土壤变得越来越酸性，有机肥料和白灰是修复土地素质的关键，或可使用更多具有微生物的原料，重新活化土地，因为土地是种植业之母，唯有照顾好土地，才能确保产量稳定。”

“我们也希望政府解除‘跨州售卖稻谷’禁令，因为各州收购稻谷价格不同，政府规定只能在原有州属售卖，导致售价被垄断的收购商一口咬死，稻农的收入无法提高。”

稻农希望，在本季稻米歉收之际，农业部能体恤稻农的困境，提高稻谷售价或增加津贴，以协助帮补生活费用。

Headline	Paddy production in Sekinchan reduce half		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B1	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	510 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,245



品种、肥料或土壤问题？ 适耕庄本季稻产**减半**

(适耕庄30日讯) 适耕庄本季稻米歉收，大多稻田产量只有过往的一半，各族稻农希望农业部从根源着手，调查秧苗品种素质、肥料成分不符所需，与土壤酸性过高等问题，以免稻农长期血本无归，只能黯然转行。

素有雪州米仓美誉的适耕庄，以种植稻米闻名全国，但最近几年的稻米产量却起伏不定，几乎绝大多数是产量减半，仅遇上天气较好的收割期，才会迎来较好的收成。

为此适耕庄州议员黄瑞林日前召集本区农民小组组长，与各族稻农交流，讨论稻米歉收严重程度及原因，并把意见汇总后拟成备忘录，交由农业及粮食安全部处理。

稻农盼政府调查

黄瑞林表示，每份稻田视乎土壤与种植技术，收成往往不尽相同，但如果与过往记录比较，几乎每份稻田的产量都减半。

“例如原本产出最少9吨稻米的稻田，如今最

多7吨，原本只有6吨产量的稻田，如今只剩3吨。甚至有的说法是，整个适耕庄，有70%的稻田产量都不如预期。”

对此稻农指出，近几年的稻米秧苗抗病能力较差，碰上几次大风雨就被吹落，因此希望大马农业与发展局，认真研究并改良秧苗品种素质。

“25公斤装的津贴肥料，其成分百分比也不正确，导致秧苗无法茁壮成长，无法发芽，结出的稻谷谷也小，反而叶子疯长，



适耕庄本季稻米歉收，大多稻田产量只有过往的一半。

希望农业部调查这背后是否涉及调整成分百分比，来操纵价格的问题。”



黄瑞林（前排中）与各族稻农希望农业部以嘉聆诉求，找出稻米产量歉收的根源，并致力解决稻农面对的困境。

Headline	Govt to explore saltwater rice cultivation		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	4	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 550
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,650



உப்புநீரில் அரிசி உற்பத்தி செய்ய ஆய்வு

ஜித்ரா, மேத 31-

உப்புநீரில் அரிசி உற்பத்தி செய்யும் வழிமுறைகள் குறித்து விவசாய மற்றும் உணவுப் பாதுகாப்பு அமைச்சர் ஆராய்ந்து வருகிறது. நாட்டின் அரிசி உற்பத்தியை அதிகரிக்கும் முயற்சியில் இத்திட்டம் குறித்து ஆராயப்படுகிறது. சீன நாட்டைச் சேர்ந்த பேராசியர்கள் உட்பட பல்வேறு நிபுணர்களுடன் இது குறித்து விவாதிக்கப்பட்டு



வருகிறது. அரிசி உற்பத்திக்கு உப்புநீரைப் பயன்படுத்தும் தொழில்நுட்பத்தை மலேசியாவில் அறிமுகப்படுத்த முடியுமா என்பது குறித்து அவர்களிடம் பேசப்பட்டது என்று விவசாய மற்றும் உணவுப் பாதுகாப்பு அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ முகமது சாபு குறிப்பிட்டார். இப்போதுதான் தொடக்கக் கட்டப்பேச்சு நடைபெற்று வருகிறது. சீனாவில் நான்காண்டுகளாக நடைபெற்ற தொடர் ஆராய்ச்சிக்குப் பிறகுதான் அத்திட்டம் அங்கு அமல்படுத்தப்பட்டது. எனவே, மலேசியாவிலும் அவ்வாறு செய்ய முடியும் என்று சாபு தெரிவித்தார்.

Headline	Ng to discuss solutions with farmers after rice production drops in Sekinchan		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	9	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	347 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,356




適耕莊稻米歉收

黃瑞林與稻農商對策

（適耕莊30日訊）適耕莊本季稻米歉收，大多數稻田產量只有過往的一半，甚至有70%稻田產量不如預期，因此各族稻農希望農業部從根源著手，調查秧苗品種素質、肥料成分不符所需及土壤酸性過高等問題，以免稻農長期血本無歸下，只能黯然轉行。

素有雪州米倉美譽的適耕莊，以種植稻米聞名全國，但近几年的稻米產量起伏不定，几乎絕大多數是產量減半，仅遇上天氣較好的收割期，才會迎來較好的收成。

為此，適耕莊州議員黃瑞林日前召集該區農民小組組長、与各族稻農交流，讨论稻米歉收嚴重程度，并与各家稻農觀察找出原因何在，把意見統合后拟成备忘录，交由農業及糧食安全部處理。



適耕莊素有雪州米倉美譽，但近几年的稻米產量起伏不定，絕大多數稻田產量減半，導致稻農收入銳減。（檔案照）

每份稻田產量減半

也是雪州議長的黃瑞林表示，每份稻田視乎土壤與種植技術，收成往往也不盡相同，但如果与過往的记录比較，几乎每份稻田的產量都減半。

“例如原本产出最少9吨稻米的稻田，如今最多7吨。原本只有6吨產量的稻田，如今只剩3吨；甚至有的说法是，

整个適耕莊有70%的稻田產量都不如預期。”

他总结重申，稻農要求的不多，只希望農業部体恤，在种植成本因令貶值，导致各式原料價格飆漲后，如今收成又不如預期，导致收入大幅減少。

“稻農不是要發大財的行業，而是为了持續生活，并守护我国人民的基本糧食安全，因此希望農業部認真聆聽稻農的心聲，找出解決方案。”



黃瑞林（前排左九）与各族稻農希望農業部聆聽訴求，找出稻米產量歉收的根源，致力解決稻農面对的困境。（黃瑞林辦公室提供）

盼MARDI改良秧苗素質

稻農也指出，近几年的稻米秧苗抗病能力較差，碰上几次大風雨就被吹落，因此希望大馬農業研究与发展局（MARDI），認真研究并改良秧苗品種素質。

“此外，25公斤裝的津貼肥料成分百分比也不正确，导致秧苗无法茁壯成长。不但无法发芽、结出的稻谷也小粒，反而是叶子疯长，希望農業部調查这背后是否涉及調整成分百分比，来操纵價格的問題。”

稻農強調，过去農業部每季会补发5包20公斤裝的有机肥料，如今也有5年不見踪影。

“如今的土壤變得

越来越酸性，有机肥料和白灰是修复土地素質的关键，或可使用更多具有微生物的原料，重新活化土地，因为土地是种植业之母，唯有照顾好土地，才能确保產量稳定。”

“我们也希望政府解除‘跨州售卖稻谷’禁令，因为各州收购稻谷價格不同，政府规定只能在原有州属售卖的做法，导致稻米價格被壟斷的收购商一口咬死，稻農的收入无法提高。”

稻農希望，在本季稻米歉收之际，農業部能体恤稻農的困境，提高稻谷售價或增加津貼，以协助帮补生活費用。

Malaysia perlu waspada risiko krisis makanan

Sebarang perubahan harga petroleum global boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Malaysia perlu berwaspada dengan risiko krisis makanan seperti yang dihadapi rakyat di Eropah sekiranya berlaku perubahan harga petroleum global akibat kemelut berterusan yang melanda Ukraine dan Rusia.


Pensyarah Kanan, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (PASUM), Nur Ameera A Jaz, berkata, sebarang perubahan harga petroleum global boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia.

Menurutnya, peningkatan kos tersebut berpotensi mengganggu bekalan makanan dalam negara dan meningkatkan risiko keterjaminan makanan di Malaysia.

"Namun begitu, pada masa ini Malaysia tidak perlu berasa bimbang kerana harga komoditi di pasaran adalah masih di tahap terkawal."

"Tetapi Malaysia harus berwaspada kerana kemelut yang melanda Ukraine dan Russia ini tidak dapat menjamin harga petroleum yang terkawal pada masa hadapan."

"Dengan kemelesetan Ringgit Malaysia yang dihadapi sekarang, harga komoditi import makanan yang tinggi akan mengakibatkan



Pasar raya di Britain mengalami masalah kekurangan bekalan sayur-sayuran sejak awal tahun lalu.

peningkatan kos pengeluaran makanan. Ini sekali gus akan mengakibatkan inflasi makanan dan akan memberi kesan yang buruk terhadap golongan berpendapatan rendah di Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian mengulas sama ada Malaysia perlu bimbang dengan krisis makanan yang sedang berlaku di Eropah Timur dikatakan sehingga menyebabkan kuasa beli rakyatnya terjejas mendadak.

Nur Ameera menjelaskan, kebergantungan yang tinggi negara Eropah terhadap gas asli Rusia telah memberi kesan yang buruk terhadap



NUR AMEERA

sektor pertanian di negara itu akibat ketidakstabilan dalam pasaran tenaga.

Katanya, krisis politik tersebut telah memberi kesan di negara itu dengan peningkatan harga input pertanian termasuk baja dan tenaga, yang pada akhirnya akan meningkatkan kos pengeluaran makanan.

"Pada masa ini, Eropah sedang mengalami kos kenaikan harga makanan sebanyak 15.4 peratus."

"Walaupun harga tenaga telah menurun dan agak stabil, tapi kelihatan prospek ini masih tidak bagus kerana isu Ukraine dan Rusia yang masih belum terurai dan ini akan menyebabkan ketidaktentuan pasaran di masa hadapan," jelas beliau.

Ikut panduan *Rice Check*, perbaiki keadaan tanah bagi tingkatkan hasil padi



Menurut Muhammad Firdaus, pesawah perlu mengikuti panduan *Rice Check* dan memperbaiki keadaan tanah jika berhasrat untuk mencapai hasil sehingga 10 tan padi bagi sehektar setiap musim.

SHAH ALAM - Pesawah di Malaysia perlu mengikuti panduan *Rice Check* dan memperbaiki keadaan tanah jika berhasrat untuk mencapai hasil sehingga 10 tan padi bagi sehektar setiap musim.

Pakar kesuburan dan pengurusan tanah dari Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Firdaus Sulaiman berkata, garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian itu dapat membantu pesawah menguruskan tanaman padi mengikut sasaran yang ditetapkan.

Menurutnya, jika amalan pertanian baik itu diikuti, Malaysia mampu meningkatkan hasil sehingga memenuhi 90 peratus keperluan negara, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan import padi.

"Sebenarnya, sasaran itu tidak

mustahil untuk dicapai kerana memang ada pesawah yang berjaya melakukannya."

"Ada dua faktor yang perlu diperhatikan iaitu mengikuti panduan *Rice Check* dan bagi tanah yang dikenal pasti bermasalah, kita kena tambahkan lagi input pertanian bagi memperbaiki keadaannya."

"Garis panduan ini memang lengkap dan jadual apa yang pesawah kena buat, hari apa perlu tabur benih, baja dan sebagainya. Kalau pesawah ikut betul-betul panduan itu, saya percaya hasil padi boleh ditingkatkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad

Sabu yang memberitahu pada masa ini purata pengeluaran padi semasa hanya lima tan sehektar semusim.

Menurut Muhammad Firdaus, walaupun pengeluaran padi masih rendah, pesawah tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana ada yang berdepan dengan masalah keadaan tanah yang teruk.

"Ada kawasan yang memerlukan lebih banyak input pertanian, terutama sekali pengapuran untuk memperbaiki keasidan tanah."

"Selain itu, saya melihat amalan kerajaan dalam pemberian subsidi ini adalah secara kadar yang sama, sedangkan kita perlu menyesuaikan ikut keadaan setempat. Kalau kawasan itu tanahnya sudah subur, tidak perlu lagi dapat subsidi baja sebanyak itu," ujar beliau.

Jangan jual durian terlalu mahal

DI SEBALIK kesengsaraan akibat musim panas atau El Nino yang melanda negara pada ketika ini hingga September 2023 seperti yang dimaklumkan Jabatan Meteorologi Malaysia, ternyata memberi sedikit khabar gembira buat peniaga durian.

Bukan itu sahaja, sudah tentu pengemar raja buai itu dapat menikmati keenakannya dalam tempoh lebih panjang berbanding berbanding tahun-tahun sebelum ini kesan musim panas.

Semalam akhbar ini melaporkan musim durian dijangka mengeluarkan hasil sehingga pertengahan Oktober sekali gus membuka pintu rezeki lebih luas kepada pekebun serta peniaga durian.

Berikisat tentang penjualan raja buai itu, setiap tahun ada sahaja rungutan yang tidak sedap di dengar tertamanya melibatkan harga jualannya. Musang King dan Black Thorn yang menjadi kegemaran 'hantu durian' sebelum ini pernah memecahkan harga RM60 hingga RM100 sekilogram.

Pun begitu pada penghujung tahun lalu, Musang King yang menduduki tangga teratas pengemmar durian negara dijual sekitar RM17 sekilogram.

Difahamkan pengeluaran durian Musang King pada ketika itu adalah yang terbanyak dalam tempoh tiga tahun sehingga menyaksikan berlaku lambakan ketika puncak pengeluaran.

Jadi pada tahun ini, mengambil kira tempoh pengeluaran hasil yang lebih panjang, rata-rata pengemmar raja buai berharap peniaga tidak menaikkan harga secara keterlaluan.

Pada masa sama, terdapat juga gesaan pihak berwajib melakukan pemantauan agar tiada pihak yang menjual durian dengan harga 'cekik daran'.

Jika kenyataan pekebun durian, Kelly Lim seperti disiarkan akhbar ini diambil kira, maka tidak akan timbul isu kenaikan harga yang mendadak.

Menurut Kelly, pengeluaran yang bertambah membolehkan peniaga menjual dengan harga lebih murah.

Jika ketika ini mereka menjual secara timbang kilo, mungkin selepas ini kata Kelly, peniaga akan menjualnya mengikut bilangan, misalnya RM10 untuk sebiji durian.

Penulis percaya, peniaga yang menjual durian pada harga lebih murah dan berpatutan masih mampu meraih keuntungan.

Apa pun, kepada peminat fanatik durian, biarpun tempoh pengeluaran hasil durian yang panjang berpadamalah apabila menjamah buah ini.

Selain daripada gula yang tinggi, durian juga tinggi dengan kandungan poliasium. Maka mereka yang mempunyai masalah buah pinggang, haruslah mengelakkan pengambilan raja buai ini.

Dulu lima, kini bela lebih 50 ekor lembu

GUA MUSANG – Bermula dengan lima ekor, kini dua beradik berjaya menternak 50 ekor lembu pelbagai baka di Kampung Lapan Jaya di sini selepas 10 tahun berkecimpung dalam bidang ternakan haiwan itu.

Raja Mohammad Lukman Raja Ibrahim, 31, berkata, dia dan abangnya, Raja Mohammad Razali, 33, mula serius dalam bidang penternakan lembu apabila tidak mendapat pekerjaan tetap selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Pada awalnya, kami ada lima ekor lembu yang dipelihara secara suka-suka. Kini, hasil jualan lembu-lembu menjadi sumber pendapatan kami.

"Kami bermula secara serius dalam bidang ini selepas mengambil alih daripada kedua-dua ibu bapa yang semakin uzur," katanya semalam.

Raja Mohammad Lukman memberitahu, berkat kegigihan dan ketekunan dalam bidang ternakan, mereka kini memiliki lebih 50 ekor lembu yang terdiri daripada baka spesies kampung, brahman, limousine dan charolaise.

"Bagi sambutan Hari Raya Aidiladha yang akan datang, enam ekor lembu sudah ditempah pelanggan.

"Satu bahagian lembu kor-

ban dijual pada harga antara RM500 hingga RM650, manakala bagi seekor lembu pula bergantung kepada jenis lembu pilihan pelanggan.

"Kami tinggal di kawasan kampung, jadi harga ditawarkan tidak terlalu tinggi supaya dapat membuka peluang kepada penduduk melakukan ibadah korban," katanya.

Katanya, mereka juga bersyukur apabila lembu ternakan turut dijadikan pilihan pelanggan untuk ibadah korban setiap tahun.

Sementara itu, Raja Mohammad Razali memberitahu, mereka tidak menyangka minat memelihara lembu akhirnya menjadi sumber pendapatan mereka adik-beradik yang masih bujang.

Katanya, selain menjual anak lembu antara harga RM2,000 hingga RM5,000 mengikut jenis, mereka turut menjual daging lembu pada harga RM32 sekilogram.

"Penjagaan lembu tidak sukar kerana ia dilepaskan dan dibiarkan sahaja meragut di kawasan ladang.

"Ketika ini, kami perlu memberi perhatian lebih rapi bagi mengelakkan lembu-lembu terkesan dengan keadaan cuaca panas," katanya.



RAJA MOHAMMAD LUKMAN memberi air garam kepada lembu ternakan di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Belajar ilmu penternakan sejak sekolah rendah, kini tauke lembu

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulla.com.my

GUA MUSANG: Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Begitu perjalanan hidup Raja Mohammad Lukman Raja Ibrahim, 31, dan abangnya, Raja Mohammad Razali, 33, yang kini memiliki lebih 50 ekor lembu daripada pelbagai baka seperti kampung, Brahman, Limousine dan Charolaise.

Semuanya bermula dengan hanya lima ekor lembu.

Raja Mohammad Lukman berkata, pembabitan dalam bidang penternakan lembu bermula selepas dia dan abang tidak mempunyai pekerjaan tetap seurus selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurutnya, mereka memperoleh modal permulaan daripada bapa sebagai sokongan menjayakan usaha tersebut.

"Saya dan abang mendapat pendedahan awal berkait bidang penternakan lembu daripada kedua ibu bapa sejak sekolah rendah. Awalnya hanya memiliki



RAJA Mohammad Lukman Raja Ibrahim (kiri) bersama abangnya, Raja Mohammad Razali memberi air garam kepada lembu ternakan mereka di Kampung Lelan Jaya, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

lima ekor lembu yang dipelihara secara suka-suka dan kini menjadi sumber pendapatan.

"Kami bermula secara serius

dalam bidang ini sejak 10 tahun lalu selepas mengambil alih daripada kedua ibu bapa yang semakin uzur," katanya ketika

ditemui di Kampung Lelan Jaya di sini.

Raja Mohammad Lukman memberitahu, dia dan abang-

nya bersyukur apabila lembu yang dipelihara menjadi pilihan penduduk untuk ibadah korban sempena Aidiladha ini.

Katanya, sehingga kini sebanyak enam ekor lembu sudah ditempah untuk sambutan itu.

Bagi Raja Mohammad Razali pula, dia tidak menyangka minat memelihara lembu akhirnya menjadi sumber pendapatan mereka adik-beradik.

Katanya, selain menjual anak lembu antara RM2,000 hingga RM5,000 mengikut baka, mereka turut menjual daging lembu dengan harga RM32 sekilogram.

"Kami juga mendapat kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Gua Musang dari segi bantuan pawah di mana mereka menyediakan induk selain pembiakan lembu.

"Penjagaan lembu tidak sukar kerana hanya membiarkan lembu meragut rumput di kawasan ladang. Pada ketika ini kami perlu memberi perhatian lebih rapi bagi mengelakkan lembu-lembu terkesan dengan keadaan cuaca panas," jelasnya.

Berniaga lembu tambah pendapatan sempena Aidiladha

HULU TERENGGANU: Ketibaan Aidiladha ibarat 'bonus tahunan' bagi pengusaha tanaman rumput napier yang menjana pendapatan tambahan selain menjual lembu untuk korban.

Mohd. Ridzuan Mamat, 41, berkata, dia membawa masuk 100 ekor lembu baka KK Cross serta Brahman dari Thailand sejak Februari lalu yang ditenak secara fidlot sebelum dijual.

Menurutnya, sebanyak 60 ekor lembu yang ditenak di kawasan padang ragut Kampung Binjai Kertas di sini telah mendapat tempahan sejak lebih seminggu lalu daripada pembeli dari Hulu Terengganu, Kuala Terengganu serta Dungun.

Katanya, ternakan itu dijual dari harga RM4,500 hingga RM5,600 seekor dengan anggaran seberat 250 kilogram (kg) sehingga 350kg bagi setiap seekor.

"Permintaan lembu korban di dijangka meningkat menjelang Aidiladha," katanya ketika ditemui di Kampung Binjai Kertas



MOHD. Ridzuan Mamat menunjukkan sebahagian lembu yang akan dijual sempena Aidiladha di Kampung Binjai Kertas, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

semalam.

Jelasnya, ketika ini dia menceburi bidang tanaman rumput napier jenis 'Pak Chong' sejak lebih tiga tahun lalu untuk diproses menjadi

makanan ternakan.

Tambahnya, dia sebelum ini juga telah mengusahakan ternakan lembu tetapi terpaksa berhenti kerana masalah makanan ternakan yang semakin mahal.

Spesies itu kini jarang ditemui di perairan Pulau Kapas

Oleh NORHASPIDA YATIM
MARANG

Bangkai anak penyu karah ditemui terapung

Seekor anak penyu karah jantan yang dikatakan antara spesies jarang dijumpai ditemui mati di perairan Pulau Kapas di sini pada Isnin.

Menurut Sukarelawan Persatuan Pemuliharaan Penyu Pulau Kapas, Fildani Noor, haiwan itu dijumpai terapung kira-kira jam 1.40 petang oleh sepasukan sukarelawan.

Fildani berkata, penyu berkenaan dipercayai baru sahaja mati kerana bangkainya masih elok.

"Hasil pemeriksaan awal terhadap bangkai anak penyu itu mendapati bahagian lehernya membengkak dan karapasnya pula hilang.

"Kita telah melaporkan penemuan bangkai anak penyu karah tersebut kepada Jabatan Perikanan untuk siasatan terperinci.



Seekor anak penyu karah jantan ditemukan mati di perairan Pulau Kapas pada Isnin.

"Bangkai itu pula telah kami lupuskan dengan menamannya di Pantai Panjang, Pulau Kapas pada Isnin," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Jelasnya, kematian penyu itu memberi kesan kerana spesies tersebut jarang dapat ditemui di perairan pulau berkenaan.

kami terserempak dengan spesies penyu karah ialah pada awal tahun ini dan sebelum itu pada 2019.

"Kami bimbang jika bangkai ini adalah bangkai penyu sama yang kami jumpa ketika menjalankan aktiviti *snorkeling* sebelum ini," katanya.

Ujarnya, ketika ini hanya penyu jenis agar biasanya dijumpai di perairan Terengganu, manakala spesies lain seperti karah dan lipas jarang ditemui kebelakangan ini.

Selain itu, penyu belimbing yang menjadi ikon negeri Terengganu pula merekodkan pendaratan terakhir pada 2017 dan kini tidak lagi dilihat mendarat di perairan negeri itu.

Sementara itu, di KUANTAN, sebanyak 88 pendaratan penyu jenis agar direkodkan oleh Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) Cherating dengan

penghasilan kira-kira 7,750 telur dalam tempoh empat bulan tahun ini.

Pengarah Jabatan Perikanan, Pahang, Abdullah Jaafar berkata, bagaimanapun jumlah pendaratan penyu tidak sama pada setiap tahun kerana ia dipengaruhi beberapa faktor.

Jelasnya, antaranya keadaan laut, ancaman daripada nelayan dan faktor semula jadi yang dilihat banyak memberi kesan kepada reptilia tersebut.

"Dalam tempoh empat bulan, hanya 88 pendaratan penyu di sini (PKPP) Cherating. Kalau mengikut rekod tahun lalu, sebanyak 366 pendaratan penyu jenis agar dengan menghasilkan sebanyak 29,900 telur direkodkan.

"Jadi, kita harap tahun ini lebih banyak pendaratan penyu di sini direkodkan," katanya pada Selasa.

Headline	Chan : FAMA will buy vegetables from farmer if product price is lower than market rate		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A1,A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	979 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,942



陈泓缵：若市价过低 FAMA 高价购菜助农民



(吉隆坡 30 日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缵指出，当农业部发现市场菜价过低时，会通过联邦农业销售局 (FAMA) 介入，以高于市场价格向菜农收购过剩的农粮，减少农民的损失。

“蔬菜价格向来都是自由浮动，是由市场依照供应及需求而定。”

“在这方面，农业部的职责是确保市场供应充足，然而，当发现菜价过低时，联邦农业销售局就会介入向菜农收购农粮。”


他说，于价格调和和管控方面，则属于国内贸易及生活成本部门的职权范围。

陈泓缵是针对《南洋商报》询问有关国内近期蔬菜的菜园价偏低，但是消费者依然吃到贵菜的课题，以书面如是回应。

他坦言：“确实在今年初南马一带发生大水灾时，柔佛一带多个地区的菜园也受到严重影响，继而影响蔬菜收成，出现局部地区的蔬菜价格上涨现象。”

“然而，自 3 月天气好转后，全国地区菜园大唱丰收，蔬菜价格也稳定下来，并无所谓不断涨价的现象。”

文转 ► A3



Headline	Chan : FAMA will buy vegetables from farmer if product price is lower than market rate		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	31 May 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A1,A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	979 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,942

大部分菜价维持平均水平



独家报道
梁慧芳

FAMA 高价购菜助农民

陈泓雄指出，根据联邦农业销售局近期的统计数据，大部分蔬菜价格都维持在平均水平的范围内。

根据数据，截至5月6日，羊角豆价格为每公斤8令吉13仙，与2月份的价格相比，降低了大约5令吉左右。

蔬菜价格则为每公斤4令吉84仙，比2月份的价格相比降低了2令吉左右。

至于青瓜价格降幅更大，从2月2日的每公斤4令吉08仙，跌至每公斤3令吉30仙（5月

6日），跌幅约54%。有关蔬菜价格，他建议消费者点击网站查询：<https://www.fama.gov.my/analisis-harga-komoditi-terpilih>

已办431农场直销

陈泓雄也鼓励民众浏览联邦农业销售局网站：<https://www.fama.gov.my/harga-pasaran-terkin>，查询粮食的最新农场价、批发价、门市价。

根据记者浏览，此网页可以查询多种蔬菜的价格，也包括水果类、统制

鸡蛋、鸡肉类的价格。至今年4月30日，农业部在全国已举办了431场的农场直销活动。陈泓雄指出，农业部推行农场直销计划，为了确保民众能买到价格合理的新鲜蔬果，这也是农业部在昌明大马政府上任以

陈泓雄在提供蔬菜进出口数据时特别说明，不像肉类进口，如牛肉或鸡肉，进口与出口的蔬菜品种过于繁多，会经常随着消费者口味和偏好而有所变化。

基于此，市场对不同

针对上述数据，陈泓雄解释，这主要是进口至我国的五类温带蔬菜，主要有洋葱、马铃薯、蒜米、包菜和豆类。

这些进口蔬菜占了总进口量约68%，或进口总额的62%。

来，马不停蹄在全国所展开的农场直销计划。

“联邦农业销售局会把购得的新鲜蔬果分销到全国1548个销售点。农业部旗下机构农粮组织局（LPP）及渔业发展局（IKIM）也通过农民商城（Peladang Outlet）及渔民市集（Pasar Nelayan），加入农场直销计划，扩大行销。

“活动上售卖的蔬果价格比市面便宜约30%，参与活动的农民也可享有



陈泓雄：农业部推行农场直销计划。

5%至10%的利润保障，是双赢政策。”

进出口品种随消费者变化

2022年蔬菜进出口数据

进出口	数量交易 (吨)	价值 (令吉)
出口	38万3218	12亿7594万7021
进口	202万3187	62亿2647万9848

来源：联邦农业销售局

类型蔬菜的需求，都会根据季节性周期、气候、适宜种植的地区等多重因素波动和改变。

2022年五大类进口温带蔬菜

种类	数量 (吨)	价值 (令吉)
洋葱	52万5055	9亿4499万0373
木薯	41万4253	15亿4367万9490
白蒜	16万2690	6亿4312万6215
包菜	15万3814	2亿5168万8958
豆类	12万1741	4亿8028万4640
总数	137万7554 (68%)	38亿6376万9676 (62%)

来源：联邦农业销售局

须加强市场调研 提高农产品竞争力

马来西亚农业总会会长林仕伟说，蔬菜价格波动对菜农收入造成很大影响，农业部必须加强市场调研和信息共享，提供更准确的市场预测和指导，根据市场需求调整种植结构和销售策略，提高农产品的竞争力和稳定收益。

他表示，种植成本上涨，市场价格波动时，菜农往往也面临着较低的利润。

他接受《南洋商报》访问时说，希望农业部考虑提供适当的农产品产量补贴，帮助菜农应对种植成本压力。

就在上个月，因产量过剩及青黄月，造成蔬菜滞销而被销毁。

他指出，非法耕地问题也是菜农需解决的一大课题。

许多菜农不得不在非法或未耕种的土地上种植，非法耕地问题需解决，才能保障农民利益，让农业永续发展。

他说，申请外劳的程



林仕伟：非法耕地也是需要解决的一大课题。

序频繁变动，令农民在招聘和管理上面对困难。

蔬菜“最爱”热天

他提到，热天是蔬菜“最爱”的季节，不过过于干旱，也会影响种植。

“气候变化是我们面临的一个挑战。极端气候会严重影响农作物的生长和产量造成影响，给菜农带来种植风险。”

他说，菜农在疫情期间面对工人荒，主要是外劳不能入境，疫情后外劳能回来，已降低了菜园工人不足的问题。

联邦农业销售局提供粮食价格指标			
菜类	菜园价	批发价	门市价
每公斤 (RM)			
椰菜	1.50	3.00	3.50
菜心	1.30	1.30	6.80
包菜	1.30	3.00	3.50
青瓜	1.20	2.00	2.50
番茄	1.40	2.00	3.00
长豆	3.50	6.00	6.50

注：截至5月中旬蔬菜价（仅供参考，价格不时浮动）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1



Ikan segar

ORANG ramai memilih ikan segar hasil tangkapan nelayan yang pulang dari laut yang dijual di Pantai Telaga Papan, Setiu di Terengganu semalam. Hampir 1,000 kilogram ikan dan sotong dijual dengan harga murah. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Subsidi diesel nelayan tiris lebih RM4 juta sebulan

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Separuh daripada kira-kira 2,000 bot zon C di seluruh negara didakwa 'menyonglap' diesel bersubsidi nelayan sebelum menjualnya kepada bot-bot C2 dengan margin 25 sen seliter.

Rata-rata pemilik dan penguasa bot zon C yang 'melanun' diesel subsidi ini sebenarnya bukanlah nelayan, sebaliknya tauke vessel yang kaya raya dengan pendapatan mencecah RM30,000 sebulan bagi sebuah bot zon C malah ada tauke yang dikesan mempunyai sehingga 30 bot zon C yang berharga RM3 juta hingga RM5 juta sebuah.

Kumpulan 'lanun' diesel yang berleluasa di Hilir Perak dan Rompin, Pahang ini dipercayai menggunakan 100 peratus kuota bahan api bersubsidi yang diberikan kerajaan iaitu kira-kira 17,000 liter sebulan namun mereka tidak turun ke laut menangkap ikan.

Sebaliknya, mereka boleh hidup mewah dengan menjual diesel bersubsidi tersebut kepada bot-bot C2, pelanggan di darat serta nelayan asing di tengah lautan.

Rangkaian songlap dan lanun diesel tersebut mengakibatkan kerajaan kerugian RM4.25 juta setiap bulan. Dasar pemberian subsidi sepatutnya membantu ekonomi nelayan dan memastikan bekalan ikan sentiasa banyak tetapi yang berlaku sebaliknya.

Satu sumber industri mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, kegiatan melanun diesel ini dilihat sendiri dan perbuatan itu berleluasa di kawasan mengisi minyak diesel subsidi di seluruh negara.



KERAJAAN perlu bertindak segera mencari jalan penyelesaian isu ketirisan diesel subsidi kepada nelayan.

"Struktur penyaluran subsidi sejak 2006 ini, bot C2 yang hasil tangkapan lautnya lebih banyak tidak diberikan subsidi berbanding bot kategori C. Secara purata bot C mendapat 17,000 liter kuota diesel subsidi setiap bulan. Sementara bot C2 tak dapat subsidi.

"Jadi bila struktur sebegini, bot C dan C2 ada yang dimiliki oleh tauke yang sama. Bot C dan C2 juga berada di pangkalan yang sama dan menangkap ikan di lautan yang sama. Bot C2, kalau mereka nak bergerak, mereka terpaksa beli diesel pada harga pasaran semasa iaitu RM2.65.

"Ini mewujudkan suasana di mana tauke bot C2 membeli minyak daripada tauke bot C. Sementara itu tauke bot C pula

menjual minyak bertujuan mendapatkan keuntungan segera tanpa turun ke lautan," kata sumber di sini semalam.

Menurut sumber, selain menjual bahan api tersebut kepada bot C2, lanun yang terdiri daripada tauke dan pemilik bot C tersebut turut menjual diesel bersubsidi kepada pihak-pihak lain yang memerlukan bahan api itu termasuk lori tangki di daratan serta nelayan asing yang dijual di tengah lautan.

"1,000 bot C ini mengambil minyak subsidi dan menjual bahan api itu kepada tauke bot C2 dan kepada pihak lain termasuk pihak lain yang memerlukan diesel itu.

"Ini termasuk operator lori, jualan diesel di tengah jalan, lori

tangki pindahkan diesel kepada lori lain dan jual kepada tempat lain serta aktiviti menjual diesel subsidi kepada nelayan Thailand dan Vietnam di tengah lautan.

"Jadi, 1,000 bot C darab 17,000 liter kuota diesel yang mereka songlap sebulan berjumlah RM17 juta. Mereka ambil untung 25 sen setiap liter, maka mereka untung atas angin RM4.25 juta sebulan," dedah sumber.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, bekas Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Husin Hafiz Syed Abdul Fasal yang ditemui akhbar ini berkata, sudah tiba masanya kerajaan bertindak mencari penyelesaian kemelut membabitkan ketirisan parah diesel bersubsidi kepada nelayan.

PDRM sedia ambil tindakan jika ada maklumat

PETALING JAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedia mengambil tindakan sekiranya mempunyai maklumat berkaitan isu penyelewengan diesel subsidi nelayan sehingga mengakibatkan kerugian kepada negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Kententeraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Hazani Ghazali berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan pelbagai agensi bagi membanteras isu ketirisan barang bersubsidi termasuk minyak diesel.

"Walau bagaimanapun, isu ini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Jika ada maklumat dan laporan, pihak polis atau di bawah KDNKA sedia melakukan tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengikut rekod PDRM, sebanyak 375 kes rampasan minyak diesel membabitkan 4.7 juta liter diesel dengan jumlah dianggarkan bernilai RM12.1 juta bagi tahun lalu.

hun lalu.

Selain itu, sebanyak 108 kes didaftarkan dengan rampasan kira-kira 1.4 juta liter diesel berjumlah RM12.6 juta bermula Januari hingga April lalu.

Utusan Malaysia semalam melaporkan terdapat lima taktik penyelewengan diesel subsidi nelayan antaranya kelemahan prosedur operasi standard (SOP) Pusat Jualan Diesel (PJD) sehingga dituntut oleh pihak tidak layak serta tiada pegawai agensi yang memantau agihan diesel di jeti.

Selain itu, kegiatan rasuah

dan gangsterism membabitkan jualan diesel bersubsidi daripada PJD kepada sindiket serta berlaku komplot tauke bot kategori C yang menjual diesel kepada C2 dan nelayan asing di laut.

Turut berlaku penyelewengan di PJD menjual diesel kepada lori tangki yang kemudian dijual ke pengusaha swasta.

Sementara itu, sumber penguat kuasa berkata, tiada pemantauan secara terperinci oleh pihak yang diberi tanggungjawab untuk mengawal selia dalam agihan subsidi diesel kepada nelayan.



ROZABIL Abd. Rahman mendengar keluhan pesawah yang masih tidak dapat mengusahakan tanaman padi berikutan masalah saliran tidak diselenggara di Simpang Empat, Perlis, semalam.

MADA tolong bertindak, parit dipenuhi sampah

Saliran tak diselenggara jejas ribuan pesawah

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Masalah saliran atau sungai tidak diselenggara terus menghantui pesawah di negeri ini khususnya di kawasan Arau sehingga menyebabkan kebanyakan petani tidak dapat mengusahakan tanaman meskipun musim penanaman bermula sejak bulan lalu.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, setiap kali musim menanam padi, masalah sama iaitu air tersekat di dalam bendang ekor parit dan sungai di kawasan berkenaan tidak diselenggara terus berulang, sekali gus memberi kesan kepada lebih 700 pesawah dari lima buah kampung di sekitar sini.

Masalah itu membelenggu pesawah dari Kampung Behor Mempelam, Telaga Haji Latiff, Kampung Pida 2, Kampung Padang Besar Kurung Anai dan Pida 3 dengan keluasan sawah

dianggarkan lebih 300 hektar.

Terbaharu, lebih 2,000 pesawah di sekitar Simpang Empat dan Sanglang di sini turut berdepan masalah sama apabila air yang bertakung di dalam petak sawah tidak dapat mengalir keluar gara-gara sungai bagi menyalur air keluar tidak diselenggara dengan baik.

Para pesawah mendakwa, saluran air sepanjang 6.5 kilometer dari Sungai Tok Pulau hingga Sungai Pida 15 di Jalan Sanglang, Kedah sepatutnya 'diselenggara' oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) empat kali setahun namun hanya dilaksanakan dua kali sahaja dalam tempoh berkenaan.

Menyedari kepayahan ditempuhi pesawah, Ketua UMNO Bahagian Arau, Datuk Rozabil Abd. Rahman meninjau kawasan terjejas di Simpang di sini semalam dan berjanji membawa aduan itu kepada pihak tertinggi.

Malah, untuk tindakan segera Rozabil berkata, pihaknya

akan membantu membersihkan terlebih dahulu kawasan berkenaan bagi membolehkan pesawah menanam padi.

Katanya, isu berkenaan bukan baharu malah sudah berlautan sejak sekian lama dan telah dipanjangkan kepada pihak MADA namun situasi sama tetap berulang.

"Kita lihat parit atau sungai ini penuh dengan sampah dan rumput menyebabkan saliran air tersekat. Sepatutnya pesawah-pesawah di sini sudah boleh menabur benih bulan Mei lalu dan sekarang sudah hendak masuk bulan Jun tetapi masih tidak boleh menanam padi lagi ekoran masalah ini.

"Kalau diselenggara hanya dua kali setahun, saliran keluar masuk air di kawasan ini tidak berlaku dengan baik. Saya secara peribadi akan hubungi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk berbincang bagaimana menyelesaikan masalah ini," ujarnya.

Minta kerajaan segera salur peruntukan

KANGAR: Kerajaan negeri mengenal pasti beberapa punca yang menyebabkan berlakunya masalah sistem saliran di sekitar Simpang Empat dan Sanglang serta beberapa kawasan lain di sini sehingga menjejaskan jadual penanaman padi.

Malah, beberapa siri perbincangan turut dilaksanakan bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi mengatasi permasalahan itu sebelum ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, masalah itu berlaku apabila kontrak pembersihan sistem saliran dan sungai terpaksa dikurangkan berikutan daripada kekangan peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja berkenaan.

"Apabila peruntukan dikurangkan, maka kontrak bagi kerja-kerja pembersihan ke atas operator terlibat terpaksa juga dikurangkan oleh pihak MADA daripada empat kali kepada dua kali setahun.

"Masalah ini telah mendorong berlakunya keadaan sistem saliran tidak terurus

dan ditambah pula dengan keadaan cuaca hujan sejak kebelakangan ini," katanya.

Dalam pada itu, Razali berkata, buat masa ini, MADA turut membantu bagi membersihkan kawasan-kawasan saliran yang tidak diselenggara dengan baik bagi mengatasi permasalahan berkenaan.

"MADA sememangnya mengambil inisiatif untuk melaksanakan pembersihan agar sistem saliran tidak terganggu namun apabila keadaan ini menjadi serentak di banyak kawasan, mereka juga tidak sempat untuk melakukannya," katanya.

Tambah Razali, pihaknya berharap agar kerajaan Persekutuan dapat membantu menyalurkan segera peruntukan bagi membolehkan MADA menggunakan khidmat pihak operator untuk melakukan kerja-kerja pembersihan sistem saliran terlibat.

"Malah kerajaan negeri juga harap agar kadar bayaran yang dikhususkan kepada operator ini dapat dikaji semula bersesuaian dengan keadaan pada masa kini," katanya.



Ramai selesa makan di rumah berbanding di gerai, dusun akibat cuaca panas

Orang P. Pinang beli durian online

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Orang Pulau Pinang ketika ini lebih suka membeli durian secara dalam talian berbanding menikmati makanan itu di gerai atau dusun disebabkan cuaca panas.

Penggemar durian lebih selesa menikmati keenakan raja buah itu di rumah apabila pembelian dalam talian naik 75 peratus pada musim kali ini.

Seorang pengusaha durian di Balik Pulau dikenali Dashmand, 40, berkata, situasi tersebut berlaku berikutan cuaca panas sehingga membataskan pergerakan para pelanggan terutama pada hujung minggu sejak awal Mei lalu.

Menurutnya, keadaan itu berbeza dengan pelanggan dari Kedah, Perak dan Kuala Lumpur apabila mereka dilihat lebih teruja merasa kenikmatan durian asli termasuk yang premium dalam suasana dusun atau di premis.

"Memang tidak sangka, pelanggan di Pulau Pinang sahaja beli secara online atau COD (penghantaran di rumah) sebab cuaca panas yang tidak menentu. Mereka pilih membeli menerusi perkhidmatan e-dagang, laman

web dan media sosial yang kini meningkat lebih 75 peratus.

"Berbeza dengan jangkaan kami sebelum ini, ramai orang Pulau Pinang yang akan datang ke kedai, tetapi kali ini, pada hari Sabtu dan Ahad trend ini sudah terbalik. Orang sini (Pulau Pinang) pakat tempah online berbanding dari negeri-negeri ini," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Dashmand menambah, pelanggan tempatan dari Kedah, Perak dan Kuala Lumpur masih kekal memilih untuk berkunjung ke kedai terutama pada hari Sabtu dan Ahad selain memintanya untuk dibawa pulang.

"Dakwa pelanggan dari Pulau Pinang, mereka tak sanggup keluar rumah dalam keadaan cuaca panas terik untuk menikmati durian. Tiada *feel* (perasaan) makan sebab panas," katanya.

Dalam pada itu, jelasnya lagi, kekerapan taburan hujan ketika ini sememangnya membuatkan rata-rata pemilik dusun durian di Balik Pulau menarik nafas lega.

"Sebaliknya kekerapan hujan dilihat mampu tingkatkan hasil lebih banyak buah durian sekaligus menjadikannya lebih bermutu tinggi," tambahnya.



JUALAN durian secara online di Pulau Pinang meningkat sehingga 75 peratus ketika ini apabila orang ramai lebih selesa makan durian di rumah berbanding di gerai atau di dusun. – GAMBAR HIASAN